

MALIS PENGHUNI DESASISWA SAUJANA

sangga

BILANGAN 02
NOVEMBER 08

Seraut

KALAM...

iNfo

Kesihatan...

SUKAD FASA 1



PERSONALITI

JAGUH

Bowling...

Seraut Kalam daripada Penggawa

Bendera Saujana bakal berkibar megah di Nagoya, Jepun pada 23 hingga 30 November ini apabila 24 orang penghuni serta dua orang pegawai desasiswa Saujana akan 'menawan' bandar ke empat paling padat di negara samurai itu. Misi ke Nagoya bukan sekadar menyokong program pengantarabangsaan yang dilaungkan oleh universiti ini malah sarat dengan agenda murni membantu universiti memperkukuhkan usaha melestarian kampus USM ini. Hal ini kerana, salah satu agenda rombongan ini, mempelajari daripada masyarakat Jepun pendekatan yang mereka gunakan dalam mengatasi masalah penggunaan 'styrofoam' dalam kehidupan seharian mereka. Bukan itu sahaja, malah pelbagai lagi pengalaman yang bakal menguji setiap peserta rombongan ini apabila lawatan kali ini, peserta akan tinggal bersama-sama dengan keluarga angkat mereka di sana melalui program 'home stay'. Pengalaman berada dalam musim sejuk (sekitar 10 °C) pastinya juga akan menyebabkan peserta tidak sabar-sabar untuk ke sana.

Sebagai penggawa, saya merasa sungguh bangga dan saya doakan agar lawatan ini berjaya dan dapat membantu universiti dalam apa jua ruang dan peluang. Syabas! Saya ingin tujukan kepada Pengarah Projek serta semua peserta misi ke Nagoya ini. Suka juga saya nyatakan di sini bahawa, semua peserta merupakan AJK kepada misi ini. Hal ini bermakna, mereka yang benar-benar bertungkus lumus sahaja bakal 'terbang' ke bandar yang terletak di tengah pulau Honshu itu. Perkara ini penting kerana setiap peserta bakal ditaja hampir RM 2,000 seorang melalui pelbagai sumber. Di kesempatan ini, saya inigin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan projek yang menelan belanja hampir RM 90,000 ini.

Kepada warga Saujana yang lain, anda juga bakal menikmati pengalaman seperti ini sekiranya anda aktif membantu desasiswa ini. Mungkin tahun ini mereka ke Jepun, manalah tahu pada masa akan datang anda akan ke Afrika Selatan atau ke Russia. Semuanya bergantung atas usaha anda di samping restu daripada yang Maha Esa. Bak kata orang tua, "Pisau dah ada di tangan kita, mentimun pun ada di tangan kita. Terpulanglah kepada anda untuk memotongnya. Sama ada dipotong berbunga-bunga, dipotong lurus-lurus atau dicincang lumat". Semoga misi ke bandar yang telah hancur ranap ketika perang dunia kedua ini akan merangsang warga Saujana yang lain untuk melancarkan misi-misi yang lebih mencabar pada masa-masa akan datang.

Kepada semua warga Saujana, saya ucapkan selamat berjaya dalam peperiksaan akhir. Ingatlah, keputusan anda pada peringkat Sarjana Muda ini amat penting dalam menentukan arah tujuan kerjaya anda pada masa akan datang. Lulus dengan PNGK lebih 3.00 pastinya akan memberi kelebihan kepada anda. Hal ini kerana, peluang untuk bekerja atau untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terbuka luas bagi anda. Satu lagi, kemahiran insaniah yang didapati dari kerja-kerja berpersatuan dan juga di desasiswa, juga janganlah diabaikan. Sekian, semoga berjaya.

'Keunikn Suatu Keistemewaan'

Oktober 27, 2008
Rumah Penggawa,
Desasiswa Saujana

IMBASAN AKTIVITI

SUKAD FASA 1 2008/2009

Sukad fasa 1 2008/2009 telah diadakan pada 17-19 Oktober 2009 bertempat di Kampus Kesihatan, Kubang Kerian....berikut adalah penjacapaian Saujana dalam sukad:

- Boling wanita- naib johan
- Futsal- team A- intergroup
- team B- suku akhir
- Squasy - semi final

Pandang-pandang jelling sekitar Sukad fasa 1





JAMUAN HARI RAYA

Pada
16

oktober 2008, jamuan hari raya Pengurusan

RST telah dijalankan .

Pada 23 oktober 2008, jamuan hari raya Majlis Penghuni Desasiswa RST juga telah diadakan. Pada 24 Oktober 2008 pula, jamuan hari raya peringkat Saujana telah diadakan. Upacara bermula pada pukul 8.30 malam di Dewan RST. Jamuan ini adalah anjuran Exco Kebajikan MPD Saujana.





iNFO keSiHaTaN

TAHUKAH ANDA?

Menyedihkan tapi benar. Setiap seorang daripada kita berkemungkinan mewariskan masalah genetic yang serius kepada generasi yang seterusnya. Ini berikutan setiap manusia dianggarkan membawa atau mempunyai antara lima hingga lapan gen resesif 'rosak' yang membawa keabnormalan genetic. Jika dua individu yang membawa gen resesif sama berkahwin barulah mereka berisiko mendapat anak dengan masalah genetic. Jika hanya salah satu daripada mereka yang mempunyai gen berkenaan, anak pasangan tersebut berkemungkinan besar lahir normal atau hanya menjadi agen resesif. Dianggarkan 0.7 peratus daripada kelahiran (hidup) kini menghidap satu atau lebih keabnormalan genetic yang diwarisi.





TAHUKAH ANDA??

PERUMPAMAAN pelanduk dua serupa menjelaskan terdapat sesetengah individu dengan rupa yang sama, terutamanya adik-beradik biasa, persamaan rupa tidak begitu jelas bukan sahaja kerana perbezaan umur atau jantina, tetapi turut melibatkan pewarisan genetic dari ibu dan bapa hasil proses persenyawaan yang kompleks bagi membentuk kepelbagaian genetic anak. Seorang lelaki boleh menghasilkan sehingga 400 juta sperma di dalam air mani sementara wanita boleh menghasilkan sehingga 400,000 ovum (telur) sepanjang hidupnya, tetapi kebanyakannya tidak akan disenyawakan. Jumlah besar ini memberikan kebarangkalian menghasilkan berjuta-juta variasi anak yang setiap satunya berbeza dari segi fizikal, mental, dan genetic.

Saya mula terlibat dalam sukan boling ketika di tingkatan satu. Sebelum melibatkan diri dalam sukan ini, saya aktif bermain bola jaring tetapi saya berhenti bermain bola jaring kerana menghadapi Eczema. Kemudian saya beralih daripada sukan *outdoor* ke *indoor*. Pada ketika itu, guru saya, Puan Sariah menggalakkan saya untuk menceburi sukan boling kerana dia berasa saya berpotensi dalam sukan ini.

Pertama kali bermain sukan ini, saya hanya dapat 24 mata sahaja. Pada ketika itu, saya hampir putus asa. Namun Puan Sariah memberi galakan dan sokongan yang kuat untuk saya terus bermain.

Apakah pencapaian saudara sekarang dalam sukan boling?

Pertandingan yang pertama saya sertai ialah pertandingan boling di Midland Park, Pulau Pinang. Pertandingan itu adalah terbuka kepada umum. Saya telah memenangi tempat pertama. Pada ketika itu, saya sedang

Bolehkah saudara cerita seba sedikit tentang latarbelakang saudara?

Nama penuh saya Siti Rasidah Binti Abdul Rahim. Saya berasal dari Pulau Pinang. Saya merupakan anak bongsu daripada 5 orang adik-beradik. Saya mempunyai 4 orang abang. Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dan meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Bukit Jambul sehingga ke tingkatan tiga. Selepas itu, saya memasuki sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya. Kemudian, saya menyambung pelajaran saya di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Sekarang saya berada di Tahun 2, dalam kursus Sains Pendidikan (Kimia).

Bila dan bagaimana saudara terlibat dalam sukan boling?

N
A

belajar di tingkatan satu. Setahun kemudian, saya menyertai Persatuan Tenpin Boling Pulau Pinang. Saya juga bertanding dalam Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang dan memenangi tempat ke-4 dalam kategori individu. Manakala kategori bergu dan berkumpulan, saya memenangi pingat emas.

Selepas itu, saya cuba untuk mewakili negeri di Sukan Malaysia (SUKMA). Namun pada peringkat pemilihan, saya tewas kerana mendapat tempat ke-5 dengan hanya beza satu mata daripada peserta tempat ke-4. Untuk pengetahuan semua, pada peringkat pemilihan ini, peserta yang mendapat tempat pertama hingga ke-4 sahaja yang dapat mewakili negeri untuk SUKMA. Ketika itu, saya berasa amat kecewa.

Namun begitu, ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus menyertai pertandingan boling. Ketika di sekolah berasrama penuh, saya bertanding dalam Majlis Sukan Sekolah Selangor, Sepang. Di pertandingan itu, saya mendapat tempat ke-6 dalam kategori individu. Pertandingan ini amat mencabar berbanding pertandingan yang saya sertai di Pulau Pinang kerana Selangor mempunyai banyak daerah.

Di Matrikulasi, saya menyertai KAKOM. Ia diadakan di Mahkota Parade dan saya telah memenangi tempat pertama dalam kategori individu dan berkumpulan. Saya juga memenangi pemain terbaik dan kategori jatuhan pin terbanyak.

Manakala di USM pula, saya memasuki pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains Pendidikan dan saya memenangi tempat pertama. Tahun lepas, saya menyertai MASUM dan SUKAD. Saya dibimbing oleh Kapten Boling ketika itu iaitu Ahmad Zaharuddin. Disebabkan pertandingan

ini banyak disertai oleh peserta yang mewakili skuad Malaysia, saya mendapat tempat ke-8 bagi kategori individu dan tempat ke-5 bagi kategori bergu dan berkumpulan. Bagi SUKAD pula, saya mendapat naib johan.

Namun begitu, saya berasa hampa kerana tidak dapat menyertai SUKAD yang berlangsung baru-baru ni. Hal ini disebabkan, saya mempunyai banyak *assignment* dan ujian yang perlu dibuat.

Bagaimana saudara membahagikan masa belajar dan bersukan?

Kursus saya amat susah, namun saya perlu pandai membahagi masa. Saya bernasib baik kerana banyak latihan diadakan pada waktu malam di Megalanes Seberang Perai. Setakat ini pencapaian saya dalam akademik alhamdulillah.

Siapakah yang banyak memberi dorongan dan galakan untuk saudara?

Emak saya banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya. Ketika saya memenangi pertandingan yang pertama saya sertai iaitu di Midland Park, emak saya telah menghadihkan sebuah bola boling. Di samping itu, ketika bersekolah dulu, emak saya akan menemani saya berlatih terutamanya latihan yang diadakan seminggu sebelum pertandingan.

Manakala di USM pula, dua kawan baik saya iaitu Nor Aisya Omar dan Rohasnida Daud menjadi penyokong setia saya. Setiap kali saya menyertai pertandingan di USM, mereka akan hadir memberi sokongan.

Apakah kenangan pahit dan manis saudara sepanjang saudara terlibat dalam sukan ini?

Menang dan kalah merupakan adat pertandingan. Namun begitu, kenangan pahit saya adalah ketika di sekolah dulu. Kawan saya tidak bertegur dan berkawan dengan saya kerana saya telah memenangi satu pertandingan.

Kenangan manis pula, ibubapa saya datang menyokong saya secara mengejut dalam satu pertandingan ketika saya belajar di tingkatan 3. Manakala ketika di Matrikulasi, kawan baik saya juga melakukan perkara yang sama.

Siapakah idola saudara?

Idola saya ialah Sharlin Zulkifli. Dia sahaja pemain boling Malaysia yang terkenal.

Apakah harapan dan cita-cita saudara?

Saya berharap dapat bermain sehingga ke tahap Asia. Saya juga berharap agar pihak USM dapat memberi latihan intensif kepada mahasiswa dan mahasiswi yang berbakat dalam bidang boling. Jika diperhatikan sekarang, Kelab Boling tidak ditubuhkan di USM. Saya pernah menyuarakan kepada pihak USM untuk menubuhkan kelab ini namun pihak USM memberitahu bahawa kos untuk sukan ini adalah tinggi. Boling merupakan antara sukan yang memerlukan kos yang tinggi.

Apakah nasihat saudara kepada para pembaca?

Jika anda mempunyai minat dalam sesuatu sukan, teruskan bermain. Jika anda mempunyai bakat dalam sesuatu sukan, tonjolkan bakat anda. Bakat dapat diasah jika anda mempunyai minat yang kuat.